

# penyata **pengerusi**



Saya bagi pihak Lembaga Pengarah, dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan dan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2008.

## Tinjauan Am

Pada tahun 2007, ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan pada kadar 6.3%, sebahagian besarnya didorong oleh permintaan domestik yang teguh, peningkatan eksport dan harga minyak mentah, minyak sawit dan getah yang tinggi. Peningkatan pertumbuhan tersebut berlaku di seluruh sektor ekonomi dengan pertumbuhan tertinggi dicatat dalam sektor perkhidmatan. Selain itu, kadar inflasi tahunan utama, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (CPI), merosot daripada 3.6% pada tahun 2006 kepada 2.0% pada tahun 2007.

Di peringkat global, inflasi terus menjadi isu utama makroekonomi, sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan harga bahan api dan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat (AS) yang berpanjangan akibat krisis gadai janji sub-prima.

Pada hari ini, terdapat 41 buah syarikat insurans langsung yang berdaftar di Malaysia dengan 25 daripada syarikat-syarikat tersebut menjalankan perniagaan insurans am. Bagi perniagaan insurans

semula am, bilangannya kekal sebanyak 5 buah syarikat. Untuk menyokong keadaan pasaran yang sentiasa berubah, BNM telah mengkaji beberapa garis panduan bagi melonjakkan industri lebih jauh ke hadapan seperti membenarkan syarikat-syarikat insurans untuk mendapatkan sumber luar bagi aktiviti pengurusan dana daripada entiti-entiti berkaitan di dalam setiap kumpulan kewangan dan menggalakkan fleksibiliti di kalangan syarikat-syarikat insurans untuk menawarkan, antaranya, produk-produk kewangan persaraan dan nyawa sejagat. Pada bulan April 2007, BNM juga telah menggariskan rangka kerja Modal Berdasarkan Risiko (RBC) untuk industri insurans. Rangka kerja RBC memperuntukkan penguatkuasaan keperluan modal yang lebih sensitif terhadap pendedahan risiko asas yang dihadapi oleh syarikat insurans. BNM telah mensasarkan tarikh perlaksanaan RBC pada 1 Januari 2009.

Pertumbuhan industri insurans am adalah positif dengan catatan premium kasar sebanyak RM10.0 bilion pada tahun 2007 berbanding RM9.6 bilion pada tahun 2006. Walau bagaimanapun, jumlah nisbah

tuntutan bagi industri insurans am merosot daripada 60.6% kepada 65.7% pada tahun ini. Jumlah aset bagi dana insurans am meningkat daripada RM18.8 bilion pada tahun lepas kepada RM19.9 bilion. Pada masa yang sama, jumlah premium insurans semula am yang diterima oleh syarikat-syarikat insurans semula tempatan pada tahun 2007 adalah sebanyak RM969.8 juta.

Sektor takaful pula telah menjadi semakin penting dalam landskap kewangan, baik sebagai penyedia perlindungan risiko atau sebagai kaedah alternatif untuk simpanan. Pasaran takaful telah membangun dengan kadar yang mengagumkan sepanjang beberapa tahun yang lalu sehingga ia bertukar daripada satu sistem yang "baik jika dimiliki" kepada "mesti dimiliki". Kini, terdapat 8 buah pengendali takaful di seluruh negara manakala jumlah lesen takaful semula kekal sebanyak 3 buah. Jumlah caruman takaful bersih industri meningkat daripada RM1.7 bilion pada tahun 2006 kepada RM2.6 bilion pada tahun 2007. Pada masa yang sama, jumlah aset dana takaful meningkat sebanyak RM8.8 bilion berbanding RM6.9 bilion pada tahun sebelumnya.



### Tinjauan Prestasi Kumpulan

Saya dengan sukacita melaporkan bahawa Kumpulan MNRB berjaya mencatat hasil sebanyak RM978.6 juta berbanding RM834.1 juta pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan hasil pada kadar 17.3% tersebut sebahagian besarnya disumbangkan oleh peningkatan jumlah premium kasar yang dijamin oleh anak syarikat insurans semula dan yuran wakalah yang diperoleh oleh anak syarikat takaful.

Kumpulan telah mencatat rekod dalam keuntungan sebelum cukai sebanyak RM194.0 juta, meningkat RM49.4 juta atau 34.2% daripada RM144.6 juta yang dicatat pada tahun lepas. Pencapaian ini disumbangkan terutamanya oleh pendapatan pelaburan yang lebih tinggi daripada penjualan kepentingan ekuiti langsung sebanyak 3.24% dalam Malaysian Oxygen Berhad, peningkatan dalam nilai pasaran sekuriti yang disebut harga pada 31 Mac 2008 dan kenaikan yuran wakalah yang diperolehi oleh anak syarikat takaful pada tahun semasa.

Saya juga berasa bangga untuk memaklumkan kepada para pemegang saham sekalian bahawa Kumpulan sekali lagi telah berjaya mencapai rekod Keuntungan Selepas Cukai dan Perolehan Sesaham tertinggi, masing-masing sebanyak RM170.4 juta dan 80.3 sen sesaham, berbanding masing-masing sebanyak RM129.5 juta dan 61.4 sen sesaham pada tahun lepas.

### Malaysian Reinsurance Berhad (Malaysian Re)

Tahun kewangan yang baru berakhir merupakan satu lagi tahun yang membuah hasil dan penting bagi Malaysian Re di mana premium jaminan kasar yang dicatat meningkat sebanyak 13.3% daripada RM692.5 juta pada tahun lepas kepada RM784.3 juta pada tahun ini. Peningkatan tersebut adalah hasil langsung daripada usaha Syarikat mengembangkan portfolio perniagaan sebagaimana yang digariskan dalam Rancangan Strategiknya.

Walau bagaimanapun, nisbah kerugian lebih tinggi yang ditanggung masih menggambarkan arah aliran industri iaitu daripada 56.5% pada tahun lepas kepada 60.7%. Pertambahan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh tanggungan tuntutan yang dialami dalam portfolio Kenderaan Bermotor dan Kebakaran, dengan peruntukan kerugian yang begitu besar dan pelarasan rizab yang dilakukan oleh salah sebuah syarikat pengesidan.

Walaupun mengalami tanggungan tuntutan yang tinggi seperti dinyatakan di atas, saya yakin bahawa portfolio perniagaan akan terus berkembang, khususnya dalam segmen perniagaan luar negara. Namun begitu, kita akan terus berwaspada dan teliti dalam aktiviti pengunderaitan serta akan terus mengawasi dasar dan garis panduan pengunderaitan dengan ketat bagi memastikan pertumbuhan yang mapan dalam keputusan taja jamin.

Saya juga dengan sukacitanya melaporkan bahawa pendapatan pelaburan Malaysian Re telah meningkat sebanyak 16.5% daripada RM61.3 juta pada tahun sebelum ini kepada RM71.4 juta. Peningkatan ini sebahagian besarnya adalah hasil keuntungan yang lebih tinggi dalam

penjualan pelaburan serta dividen dan pendapatan faedah yang lebih tinggi pada tahun yang ditinjau.

Secara ringkasnya, keuntungan sebelum cukai Malaysian Re bagi tahun ini adalah sebanyak RM110.3 juta berbanding RM131.7 juta yang dicatat pada tahun sebelumnya manakala keuntungan selepas cukai adalah sebanyak RM85.1 juta berbanding RM96.8 juta yang dilaporkan pada tahun lepas.


### Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. (Takaful IKHLAS)

Saya berasa bangga menyaksikan pengukuhan Takaful IKHLAS sebagai satu "jenama" yang dinamik dan berdaya saing tinggi. Syarikat takaful kita berjaya memantapkan kedudukannya dalam menyediakan perkhidmatan perlindungan kewangan Islam dengan reputasi menyediakan perkhidmatan yang baik. Kejayaan pelaburan dalam penjenamaan dan infrastruktur Takaful IKHLAS sejak penubuhannya telah memberi Takaful IKHLAS asas yang teguh untuk terus melonjak ke hadapan dan merealisasikan potensi sepenuhnya dalam jangka masa terdekat.

Bagi tahun kewangan yang ditinjau, caruman kasar Takaful IKHLAS meningkat dengan ketara daripada RM223.9 juta kepada RM427.5 juta, melebihi sasaran awal sebanyak RM320.0 juta. Berasaskan caruman kasar, portfolio Takaful IKHLAS pada 31 Mac 2008 adalah kira-kira 75% : 25%, masing-masing antara Takaful Keluarga dan Takaful Am.

Saya juga berbangga untuk mengumumkan peningkatan keuntungan bersih selepas cukai dan zakat kepada RM11.4 juta daripada RM1.0 juta pada tahun lepas.

Sehingga bulan Mac 2008, Takaful IKHLAS telah menerbitkan sebanyak 220,197 polisi dan mempunyai 4,486 ejen bagi Takaful Am dan Keluarga. Syarikat juga mempunyai lebih 77 produk dengan rangkaian lengkap bagi Pelan Takaful Keluarga, Kumpulan dan Am serta Rider bagi usahaniaga individu dan perniagaan.



dana pemegang saham  
(RM'000)

**MNRB Retakaful Berhad  
(MNRB Retakaful)**

Pada bulan Ogos 2007, syarikat takaful semula, iaitu MNRB Retakaful, telah memulakan perniagaan sebagai syarikat takaful semula yang pertama di Malaysia. Penubuhan MNRB Retakaful adalah sebagai salah satu usaha Kumpulan menyokong inisiatif Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai Pusat Kewangan Islam Antarabangsa. Kita yakin bahawa operasi takaful semula ini akan memainkan peranan penting dalam mempertingkatkan pengumpulan caruman takaful semula di Malaysia serta memenuhi keperluan yang semakin tinggi daripada pengendali takaful tempatan terhadap kapasiti takaful semula dan retrotakaful untuk perniagaan takaful semula am dan keluarga.

Sukacita saya laporkan bahawa MNRB Retakaful telah berkembang secara positif pada tahun kewangan yang ditinjau dengan mencapai caruman takaful semula yang memuaskan sebanyak RM10.5 juta. Berikutan pencapaian tersebut, MNRB Retakaful telah mencatat keuntungan selepas cukai dan zakat sebanyak RM1.9 juta bagi tempoh selama 8 bulan ia beroperasi.

**Malaysian Re (Dubai) Ltd.  
(Malaysian Re Dubai)**

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2008, Malaysian Re (Dubai) Ltd. mencatat pendapatan premium kasar sebanyak RM24.0 juta dari wilayah Timur Tengah dan Afrika Utara (MENA). Premium tersebut diunderait bagi pihak Malaysian Re dan mewakili peningkatan 100% daripada RM12.0 juta pendapatan premium kasar yang diunderait oleh Malaysian Re dari wilayah yang sama pada tahun lepas.

Saya juga berasa gembira dengan pelancaran secara rasmi Malaysian Re Dubai pada 18 Mac 2008 di Dubai International Financial Centre (DIFC), Dubai, U.A.E. Ini pasti akan melonjakkan misi Kumpulan untuk meluaskan perniagaan insurans semulanya di peringkat antarabangsa sambil memanfaatkan peluang yang tersedia di wilayah MENA.

**Laporan mengenai pencapaian KPI Utama**

Pada 19 November 2007, Kumpulan MNRB mengumumkan 2 sasaran berikut yang perlu dicapai sebagai Petunjuk Prestasi Penting (KPI) Utamanya bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2008.

- i) Pulangan ke atas Ekuiti (ROE) sebanyak 24.6%; dan
- ii) Pertumbuhan Hasil sebanyak 12.6%

Laporan berhubung pencapaian KPI Utama tersebut adalah seperti berikut:

- i) ROE sebanyak 24.6%

Kumpulan mencatat ROE lebih rendah sebanyak 20.4% pada tahun berakhir 31 Mac 2008 berbanding sasaran KPI Utama sebanyak 24.6%. Catatan lebih rendah daripada sasaran ini adalah disebabkan oleh caruman pengunderaitan yang lebih rendah daripada Malaysian Re, akibat tanggungan tuntutan yang lebih tinggi.

- ii) *Pertumbuhan Hasil sebanyak 12.6%*

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2008, Kumpulan mencatat hasil sebanyak RM978.6 juta berbanding RM834.1 juta pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan hasil adalah pada kadar 17.3% berbanding sasaran KPI Utama sebanyak 12.6% pada tempoh yang sama. Hasil yang begitu tinggi itu disebabkan oleh peningkatan pendapatan premium kasar Malaysian Re sebanyak 13.3%. Peningkatan ini juga hasil sumbangan kenaikan dalam yuran wakalah yang diterima oleh Takaful IKHLAS pada tahun semasa, berikutan pertambahan sebanyak 91.0% dalam caruman kasar kepada RM427.5 juta berbanding RM223.9 juta pada tahun lepas.

**Perkembangan & Pencapaian**


**Penarafan**

Saya dengan sukacita melaporkan bahawa Malaysian Re telah diberikan pengesahan semula Penarafan Kedudukan Kewangan (FSR) "A-" (Cemerlang) dan Penarafan Terbitan Kredit (ICR) "a-" oleh A.M. Best pada 11 Oktober 2007. Fitch Ratings juga telah memberikan pengesahan semula Penarafan Kedudukan Kewangan (IFSR) "A-" dengan prospek stabil kepada Malaysian Re pada 12 Disember 2007.

Penarafan sekuriti dan prospek stabil yang dianugerahkan oleh kedua-dua agensi penarafan antarabangsa yang terkemuka ini adalah bukti keteguhan kedudukan kewangan Malaysian Re.

**Penerbitan Nota Jangka Sederhana Islam (IMTN)**

Bagi menyokong rancangan pengembangannya dan untuk mengoptimumkan pulangan kepada para pemegang saham, MNRB telah berjaya menerbitkan IMTN pertamanya bernilai RM200 juta dalam nilai nominal pada



**jumlah aset**  
(RM'000)



10 Disember 2007. IMTN tersebut akan mempunyai tempoh matang sehingga lima tahun dari tarikh penerbitan pertama dan telah dianugerahkan penarafan "AA<sub>15</sub>" oleh Malaysian Rating Corporation Berhad (MARC). Ini sudah tentu membuktikan keteguhan kedudukan kewangan Kumpulan.

#### **Pembentukan Unit Perkhidmatan Perkongsian Kumpulan (GSSU)**

Pada 1 April 2008, Kumpulan telah membentuk GSSU untuk memusatkan perkhidmatan pengurusan dan sokongan am Kumpulan, justeru ini dapat mengurangkan duplikasi sumber. Usaha ini akan mempertingkatkan kecekapan operasi Kumpulan, dan pada masa yang sama dapat mengurangkan kos. Pembentukan GSSU akan turut memperkemas aktiviti Kumpulan dan membolehkan anak-anak syarikat yang beroperasi memberi lebih tumpuan dalam meningkatkan perkhidmatan kepada pelanggan.


Dengan pelaksanaan GSSU ini, MNRB kini diterajui oleh Anuar Mohd Hassan sebagai Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, manakala Hashim Harun yang menyertai Kumpulan pada 1 April 2008, dilantik sebagai Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Re.

#### **Pelaburan dalam British Islamic Insurance Holdings Ltd. (BIIH)**

Pada 9 April 2008, MNRB memeterai satu Perjanjian Langganan dengan BIIH, sebuah syarikat yang diperbadankan di bawah undang-undang England dan Wales, untuk melanggan sehingga 71.676 juta saham "A" baru yang mewakili 9.99% modal saham diterbitkan BIIH melalui pembayaran tunai berjumlah £8,959,500 (bersamaan kira-kira RM57.8 juta).

Pada 23 April 2008, Financial Services Authority (FSA), United Kingdom (UK) telah memberi kelulusan kepada anak-anak syarikat milik penuh BIIH iaitu Principal Insurance Co. Ltd. dan Principal Marketing Services Ltd. untuk memulakan perniagaan. Dengan kelulusan ini, BIIH akan menjadi kumpulan bebas pertama di kalangan syarikat-syarikat UK yang ditubuhkan untuk menyediakan produk-produk insurans berasaskan prinsip Syariah secara menyeluruh.

Pelaburan ini adalah sejajar dengan strategi Kumpulan untuk mempelbagaikan perniagaannya yang sedia ada dengan tujuan mencapai campuran portfolio yang lebih baik dan memastikan pertumbuhan yang mapan. MNRB juga mempunyai perwakilan dalam



**keuntungan sebelum cukai**  
(RM'000)

Lembaga BIIH dan dengan itu, kita percaya bahawa usahaniaga ini akan turut berperanan sebagai satu platform untuk Kumpulan mengembangkan perniagaannya di luar negara dan memanfaatkan pasaran Eropah yang berpotensi membawa keuntungan.

#### **Dividen**

Rekod prestasi dividen Syarikat kekal teguh sepanjang 30 tahun yang lalu. Syarikat telah pun membayar dividen interim pertamanya sebanyak 20%, tolak 27% cukai (2007: 15% dikecualikan cukai) pada 27 Disember 2007 dan dividen interim kedua sebanyak 5%, tolak 26% cukai (2007: 5% tolak 27% cukai) pada 28 Mac 2008.

Bagi tahun yang ditinjau, Lembaga mencadangkan pembayaran dividen akhir sebanyak 15% tolak 25% cukai (2007: 26% tolak 27% cukai) untuk diluluskan oleh para pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan akan datang.

Cadangan tersebut mengambil kira keperluan pembiayaan Kumpulan untuk membiayai pelbagai rancangan pengembangan perniagaannya, termasuk keperluan modal untuk menyokong pertumbuhan Takaful IKHLAS dan MNRB Retakaful, serta penyertaannya di dalam kepentingan ekuiti BIIH dan usahaniaga yang serupa dalam jangka masa yang terdekat.

Baru-baru ini Syarikat telah menerima pakai Dasar Dividen untuk membayar dividen tahunan kasar yang konsisten kepada para pemegang saham antara 40% hingga 75% daripada keuntungan bersihnya bagi tahun kewangan tersebut. Ini tertakluk kepada pelbagai faktor termasuk ketersediaan rizab tunai, pengelakan paras pengedaran yang boleh diterima, pulangan ke atas ekuiti dan pendapatan tersimpan, serta keperluan-keperluan lain untuk menyimpan tunai bagi pengembangan perniagaan dan/atau pelaburan pada masa hadapan.



Sepanjang 24 tahun yang lalu, Syarikat mengekalkan rekod pembayaran dividen tahunan yang cemerlang, ini telah meletakkan Syarikat sebagai salah sebuah kaunter pembayaran dividen yang unggul di Bursa Malaysia. Syarikat telah berjaya untuk senantiasa memberi ganjaran kepada para pemegang sahamnya dengan pulangan yang tinggi ke atas ekuiti dan oleh yang demikian, kadar pembayaran dividen adalah tinggi. Ini pasti memberi manfaat kepada para pelabur yang secara umumnya mencari kaunter yang sentiasa memberi pulangan teguh.

#### **Inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)**

Kumpulan MNRB amat menitik beratkan komitmennya kepada semua pemegang kepentingan dalam mencapai objektif perniagaannya, dan pada masa yang sama, turut melunaskan tanggungjawab sosialnya. Kumpulan, berserta dengan anak-anak syarikat telah menjalankan beberapa inisiatif CSR sepanjang tahun kewangan ini yang meliputi, antara lain, pemberian biasiswa, sumbangan derma

kepada Majlis Kanser Nasional (MAKNA), mengemaskini kemahiran profesional melalui latihan, kempen alam sekitar dalaman dan menaja acara-acara yang berkaitan dengan industri.

Pada tahun ini, peruntukan tambahan sebanyak RM500,000.00 telah disumbangkan kepada Tabung Biasiswa MNRB. Sumbangan ini menggambarkan komitmen berterusan kita untuk mempertingkatkan program pembangunan modal insan bagi industri, khususnya dalam menyediakan lebih ramai golongan profesional insurans dan aktuari yang bertauliah di kalangan rakyat Malaysia.

#### **Prospek**

Ekonomi global dijangka mencatat pertumbuhan sederhana pada kadar 3.7% pada tahun 2008 (2007: 4.7%) bergantung kepada selama mana dan sejauh mana kelembapan ekonomi di AS. Di dalam negara, ekonomi Malaysia pada tahun 2008 dijangka kekal baik dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) diunjurkan tumbuh sebanyak 4% hingga 6%, didorong oleh permintaan domestik,

pasaran eksport yang pelbagai dan harga minyak mentah, minyak sawit dan getah yang tinggi. Walaupun inflasi dijangka akan kekal tinggi berikutan pengekalan harga minyak dan bahan makanan yang tinggi, namun negara juga mempunyai asas yang kukuh dengan asas eksport yang pelbagai. Kita yakin dengan keberkesanan beberapa langkah yang diperkenalkan oleh Kerajaan untuk mengurangkan risiko inflasi dan percaya bahawa Malaysia akan mampu bertahan dan melangkah lebih jauh ke hadapan untuk mencapai wawasan menjadi sebuah negara membangun menjelang tahun 2020.

Inisiatif berterusan BNM dalam usahanya membina kemampuan institusi dan menyediakan infrastruktur kewangan yang diperlukan untuk menyediakan asas yang kukuh bagi pertumbuhan industri akan terus memangkin industri insurans dan takaful tempatan. Evolusi Malaysia sebagai Pusat Kewangan Islam Antarabangsa adalah satu faktor yang memberi keyakinan kepada Kumpulan dalam meraih kejayaan yang lebih cemerlang pada masa hadapan.

Lembaga Pengarah percaya bahawa dengan persekitaran yang kondusif dan komitmen korporat kita, Kumpulan mempunyai kemampuan untuk mencapai kejayaan yang lebih tinggi. Lembaga Pengarah anda akan terus menerokai peluang-peluang perniagaan lain yang berdaya maju, baik di dalam, mahupun di luar negara, dan akan terus memanfaatkan keteguhan dan kepakaran kita agar Kumpulan akan dikenali sebagai sebuah syarikat bertaraf dunia yang terkemuka.

#### **Ucapan Perpisahan dan Alu-Aluan**

Pada 3 September 2007, Mohammad Abdullah telah meletakkan jawatan selepas berkhidmat sebagai Pengerusi Kumpulan selama 11 tahun. Lembaga Pengarah ingin merakamkan ucapan penghargaan tulus ikhlas kepada Mohammad atas dedikasi dan sumbangan beliau kepada Kumpulan dan ucapan selamat maju jaya dalam apa jua penglibatan beliau dimasa hadapan.

Kita juga ingin merakamkan ucapan setinggi terima kasih kepada Azhar Abdul Wahab atas dedikasi serta sumbangan beliau kepada Kumpulan serta turut ingin mengucapkan selamat maju jaya dalam apa jua penglibatan beliau. Azhar telah berkhidmat sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif Kumpulan sejak 12 Mei 2005 dan telah meletakkan jawatan pada 18 Februari 2008.

Pada masa yang sama, saya telah diberi kepercayaan untuk mengetuai Kumpulan sebagai Pengerusi yang baru berkuatkuasa mulai 3 September 2007. Sehubungan itu, saya akan terus bekerja secara rapat dengan semua ahli Lembaga Pengarah, khususnya Anuar Mohd Hassan, Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MNRB Holdings Berhad dan kumpulan pengurusan beliau.

Pada tahun yang ditinjau, kita telah menerima penyertaan beberapa ahli baru ke dalam Lembaga Pengarah. Kita ingin mengalu-alukan kedatangan Hashim Harun yang menyertai Malaysian Ref sebagai Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif pada 1 April 2008 dan Ismail Mahbob yang menyertai MNRB Retakaful sebagai Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif pada 15 Mei 2007. Kita juga ingin mengalu-alukan Paisol Ahmad sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif MNRB Holdings Berhad berkuatkuasa mulai 11 April 2008, dan Yahya Besah sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif MNRB Retakaful Berhad berkuatkuasa mulai 4 Julai 2008.

#### **Penghargaan**

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin menyampaikan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua rakan kongsi perniagaan, syarikat-syarikat pengesidan dan perantara, Bank Negara Malaysia, persatuan-persatuan insurans dan takaful tempatan serta Institut Insurans Malaysia atas sokongan, kepercayaan, kerjasama dan sumbangan berterusan mereka sehingga membolehkan kita mencatat satu lagi tahun yang penuh dengan kejayaan.

Saya ingin mengambil peluang ini untuk menyampaikan ucapan terima kasih dan penghargaan tulus ikhlas kepada Permodalan Nasional Berhad dan semua pemegang saham Syarikat atas sokongan yang tidak berbelah bahagi, panduan tidak ternilai dan yang paling penting, keyakinan mereka terhadap Kumpulan.

Sokongan Lembaga Pengarah dan dedikasi pasukan Pengurusan adalah faktor utama kejayaan kita. Saya ingin merakamkan ucapan setinggi penghargaan kepada ahli-ahli Lembaga

Pengarah yang telah menyumbangkan masa dan berusaha menunaikan tanggungjawab mereka dalam mesyuarat Lembaga Pengarah dan dalam pelbagai jawatankuasa Lembaga Pengarah. Saya yakin bahawa komitmen, dedikasi, kebijaksanaan dan sumbangan mereka kepada Kumpulan pada sepanjang tahun ini akan berkekalan pada tahun-tahun mendatang. Saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada Anuar dan kumpulan pengurusannya yang profesional dan dedikasi mereka.

Yang terakhir dan terutama, tiada satu pun kejayaan ini akan mampu kita capai tanpa komitmen dan dedikasi kakitangan. Memandangkan masa depan kita bergantung sepenuhnya kepada usaha bersama setiap individu dalam Kumpulan MNRB, saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih tulus ikhlas atas sumbangan dan kerja keras semua kakitangan Kumpulan MNRB. Marilah kita menggandakan usaha dan terus berjuang pada tahun akan datang untuk merealisasikan wawasan Kumpulan, khususnya dalam persekitaran ekonomi yang kian mencabar.

Bagi pihak Lembaga Pengarah

**Sharkawi Alis**  
Pengerusi

**30 Julai 2008**